

BAB KEENAM

BAB KEENAM

RUMUSAN DAN SARANAN

6.0 Pendahuluan

Bab terakhir ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian rumusan dan bahagian saranan. Bahagian rumusan akan menyorot aspek-aspek penting yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang lalu. Sorotan ini bertujuan untuk mendapatkan satu rumusan yang menyeluruh dan tepat bagi menghasilkan maklumat-maklumat penting yang berhubung kait dengan kajian ini.

Bahagian saranan pula, penulis akan mengemukakan beberapa saranan yang berasaskan kepada kepentingan pembelajaran bahasa Arab dan beberapa teknik-teknik yang lebih berkesan bagi mempertingkatkan lagi mutu pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab, khususnya yang berhubung kait dengan kepentingan penggunaan *damīr* dengan cara yang lebih baik dan berkesan.

6.1 Rumusan

Di bawah perbincangan ini, penulis akan menghuraikan beberapa rumusan penting yang terhasil dari kajian ini yang berkaitan dengan *damīr* dan penggunaannya dalam karangan Arab. Antaranya ialah :

Kepentingan penggunaan ḫamīr dalam membentuk satu frasa ayat atau karangan amat penting bagi menghasilkan suatu penulisan yang baik dan bermutu. Walaupun pengertian ḫamīr dalam ketiga-tiga bahasa Arab, Melayu dan Inggeris itu mempunyai maksud yang agak sama, tetapi penggunaan ḫamīrnnya dalam bahasa Arab itu lebih luas perbincangannya dan lebih unik daripada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Ini kerana bahasa Arab mengandungi kategori-kategori damir yang lebih banyak daripada kedua-dua bahasa tersebut. Umpamanya ḫamīr Bariz dan ḫamīr Mustatir mempunyai kategori-kategori yang tersendiri yang masing-masing mempunyai keistimewaan dalam pembentukan ayat-ayat dan karangan bahasa Arab. Selain itu, ḫamīr dalam bahasa Arab mengandungi hukum-hukum yang diwajibkan kita menyembunyikan atau menzahirkannya.

Dalam sesebuah penulisan atau karangan, pelajar-pelajar akan diukur tahap kefahaman mereka terhadap penggunaan tatabahasa Arab, terutamanya yang menyentuh aspek penggunaan ḫamīr. Penggunaan ḫamīr yang dibentangkan dalam disertasi ini adalah yang biasa digunakan dalam karangan pelajar-pelajar Melayu bagi tahap tingkatan IV yang melibatkan penggunaan ḫamīr genitif pada kata nama, ḫamīr dalam kata kerja, ḫamīr dalam struktur ayat, ḫamīr berpisah dan akhir sekali ḫamīr pada partikel.

Hasil dari kajian yang telah dilakukan oleh penulis di ketiga-tiga buah sekolah yang terlibat, jelas menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah menengah agama itu keseluruhannya masih berada di tahap yang lemah berdasarkan kepada peratus kesalahan yang agak

tinggi dari sudut penggunaan berbagai-bagai bentuk *damîr* dalam karangan Arab.

Berdasarkan sumber maklumat yang diperolehi dari soal selidik terhadap para pelajar dan guru-guru, masalah berlakunya kelemahan ini adalah berpunca dari dua faktor utama, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang melibatkan para pelajar itu sendiri, pengaruh bahasa ibunda, sikap guru-guru bahasa Arab, faktor persekitaran dalaman masyarakat dan di sekolah, begitu juga dengan faktor media. Kesemua faktor-faktor ini menjadi punca utama yang menjurus kepada fenomena tersebut. Untuk mengatasi segala permasalahan yang disebutkan tadi, maka cara penyelesaian yang lebih berkesan dan mantap perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat dengan lebih bertanggungjawab dan sempurna. Antara penyelesaian yang perlu dilaksanakan, ialah aspek kecintaan terhadap bahasa Arab, motivasi diri, beberapa ciri-ciri yang perlu ada pada setiap guru bahasa Arab, begitu juga dengan aspek persekitaran dan media yang perlu diubah dan diperaktikkan sepenuhnya demi mewujudkan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab itu menjadi lebih efektif dan produktif.

6.2 Saranan

Hasil dari perbincangan kajian ini, penulis akan memaparkan beberapa saranan seperti berikut:

6.2.1 Saran kepada pelajar :

- a) Pelajar perlu menetapkan tujuan dan matlamat jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam mempelajari bahasa Arab, agar segala yang diusahakan dan dipelajari itu akan kelihatan lebih jelas dan terancang.
- b) Pelajar perlu membaca bahan-bahan bercetak dalam bahasa Arab, untuk mendapatkan perbendaharaan kata yang banyak dan cuba melatih diri dengan menyusun beberapa struktur ayat-ayat pendek dalam bahasa Arab.
- c) Pelajar wajar mengambil maklumat terlebih dahulu dan cuba memahami sesuatu topik yang melibatkan bahasa Arab sebelum diajar oleh guru.
- d) Pelajar cuba membuat peta minda sebagai cara mengingati sistem-sistem tatabahasa Arab.
- e) Hafalan dan kefahaman perlu seiring, kerana menghafal tanpa memahami adalah merupakan usaha yang sia-sia sahaja.

6.2.2 Saran Kepada Guru Bahasa Arab

- a) Guru hendaklah menampilkkan keyakinan diri kepada pelajar dengan penampilan yang kemas, cergas, aktif, kreatif dan inovatif semasa mengajar di dalam kelas supaya ia dapat menghidupkan suasana yang lebih ceria, kerana guru merupakan cermin dan sentiasa menjadi perhatian para pelajar yang berada dihadapannya.

- b) Guru hendaklah menyertai kursus-kursus yang melibatkan kemahiran kerjaya sebagai guru bahasa Arab demi meningkatkan lagi teknik pengajaran bahasa Arab.
- c) Guru tidak menyimpan latihan-latihan yang dibuat oleh pelajar-pelajar dalam masa yang lama sehingga pelajar terlupa punca kesalahan yang dilakukan oleh mereka dalam latihan.
- d) Guru disarankan agar menggunakan kaedah Elektik, iaitu kaedah yang menggabungkan teknik-teknik pengajaran daripada kaedah Terus dan kaedah Nahu Terjemahan. Melalui kaedah ini, guru berpeluang menggunakan daya kreatifnya untuk mempertingkatkan kaedah pengajarannya dengan kebolehan yang ada pada pelajar-pelajar
- e) Guru disarankan menggunakan pendekatan Induktif dan Deduktif ketika mengajar tatabahasa Arab. Selain itu, pendekatan ini juga membolehkan guru menggunakan terjemahan hanya ketika perlu bagi menghuraikan sistem-sistem tatabahasa Arab yang menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajarnya. Pendekatan ini juga perlu menggunakan alat bantu mengajar sebagai mencapai tahap pengajaran yang lebih berkesan.
- f) Minat, keikhlasan dan kesabaran perlu ada dalam diri setiap guru yang mengajar bahasa Arab.

6.2.3 Saran Kepada Persatuan Bahasa Arab

- a) Aktiviti persatuan atau ko-korikulum bahasa Arab seharusnya melibatkan aspek kemahiran menyebut, bercakap, membaca dan menulis.
- b) Menampal iklan-iklan atau ungkapan-ungkapan Arab dengan menggunakan kad manila di setiap sudut dan ruang di persekitaran sekolah.
- c) Mengadakan pertandingan-pertandingan yang melibatkan bahasa Arab.
- d) Menganjurkan sesi lawatan ke tempat-tempat yang boleh merangsang minda pelajar untuk mempraktikkan penggunaan bahasa Arab.

6.2.4 Saran Kepada Sekolah Agama

- a) Menyediakan alat-alat bantu mengajar yang mencukupi dan terkini termasuk video, telivisyen, pita rakaman dan juga komputer.
- b) Pihak pengetua perlu menghubungi pihak kementerian pendidikan atau kedutaan-kedutaan Arab yang terdapat di negara kita terutamanya Arab Saudi untuk mendapatkan sumbangan berbentuk bahan-bahan bacaan bahasa Arab, kerana kita sedia maklum bahawa pihak kedutaan Arab Saudi tidak menjadi keberatan dalam perkara ini.

c) Pihak sekolah perlu menggalakkan guru-guru bahasa Arab menghadiri kursus-kursus pengajaran bahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama.

6.2.5 Saranan Kepada Kementerian Pendidikan

- a) Menjadikan bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah rendah kebangsaan sebagaimana yang dilakukan terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris.
- b) Perlu menyusun semula sukatan pelajaran bahasa Arab yang lebih mudah dan mantap di peringkat sekolah menengah agama.
- c) Mengubah suai buku-buku teks bahasa Arab dan buku-buku kerja bahasa Arab dengan penyusunan yang lebih canggih dari masa ke semasa.
- d) Pihak kementerian perlu menyediakan peruntukan untuk melaksanakan saranan di atas demi mempertingkatkan lagi mutu pendidikan bahasa Arab di negara ini.
- e) Pihak kementerian juga perlu memberi perhatian yang sirius terhadap perkembangan pendidikan bahasa Arab di sekolah-sekolah Agama sepetimana perhatian yang diberikan kepada bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris kerana bahasa Arab merupakan bahasa Al-Qur'an dan bahasa perantaraan bagi syariat Islam.

- f) Pihak kementerian perlu menyediakan bahan-bahan bercetak dalam bahasa Arab di setiap pusat sumber negeri dan juga Perpustakaan Negara, supaya pelajar-pelajar bahasa Arab dapat menikmati kemudahannya sepetimana bahan-bahan bercetak bahasa asing yang lain.
- g) Pihak kementerian sewajarnya mengendalikan pentadbiran dan pengurusan bahasa Arab secara terus dan bukan di bawah pentadbiran Bahagian Pendidikan Islam yang merupakan satu unit kecil dalam Kementerian Pendidikan Malaysia.

6.2.6 Saranan Kepada Ibu Bapa

- a) Ibu bapa perlu memberi dorongan kepada anak-anak mereka yang mempelajari bahasa Arab, dengan menyediakan peruntukan yang berpatutan untuk mereka menghadiri kelas-kelas tambahan bahasa Arab.
- b) Ibu bapa perlu menanamkan perasaan cintakan bahasa Arab ke dalam hati anak-anak mereka, agar mereka dapat menghargai bahasa yang dipelajari itu.
- c) Ibu bapa hendaklah membeli bahan-bahan bacaan bahasa Arab yang mudah untuk pembacaan anak-anak mereka, bagi menambahkan lagi maklumat mereka mengenai kaedah-kaedah pembelajaran bahasa Arab.

- d) Ibu bapa hendaklah menggalakkan anak-anak mereka membuat latihan-latihan kerja rumah yang berkaitan dengan bahasa Arab seperti yang telah diarahkan oleh guru-guru di sekolah.

6.3 Penutup

Pada dasarnya, pembentangan kajian ini sekurang-kurangnya dapat menyingkap kelemahan pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah menengah agama tersebut dalam konteks pembelajaran bahasa Arab yang berkaitan dengan aspek penulisannya, terutamanya dari sudut penggunaan damir dalam karangan oleh pelajar-pelajar tersebut.

Pada pandangan penulis, kelemahan-kelemahan ini bukan sahaja melibatkan sekolah-sekolah tersebut sahaja, bahkan ia juga terdapat di kebanyakan sekolah-sekolah menengah agama di bawah kementerian pendidikan dan sekolah-sekolah menengah aliran Arab yang lain.

Oleh itu, saranan-saranan yang telah dipaparkan oleh penulis itu tadi diharapkan dapat menyelesaikan segala kelemahan tersebut serta dapat memperbaiki lagi mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dari semua aspek khususnya aspek penggunaan damir dalam penulisan atau karangan bahasa Arab.

Akhirnya, penulis berharap kajian ini dapat memenuhi keperluan pencinta-pencinta bahasa Arab dan harapan penulis agar kajian yang terhad ini dapat diperluaskan lagi dalam penulisan yang lain yang melibatkan bidang

linguistik dan analisis kesilapan bahasa Arab dalam aspek yang lain pula seperti aspek pertuturan dan pembacaan.